

# **HEALTH INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM**

## **( MODUL SERVICES )**

**Perpustakaan SKTM**

**DISEDIAKAN OLEH**

**MOHD ZAIREE BIN ZAKARIA**

**WEK 000422**

**SESI 2002/2003**

**SUPERVISOR : PUAN SRI DEVI A/P RAVANA**

**MODERATOR : EN. THE YING WAH**

**FAKULTI SAINS KOMPUTER TEKNOLOGI MAKLUMAT  
UNIVERSITI MALAYA**

## ABSTRAK

Perkembangan teknologi komputer kini dilihat begitu pesat sekali hingga tiada tanda-tanda yang ia akan reda atau berhenti untuk seketika. Berbagai gambaran diberikan mengenai rekabentuk dan keupayaan komputer pada masa hadapan. Malaysia tidak ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan berasaskan komputer ini. Berikutan perkembangan ini maka timbulah idea untuk membangunkan suatu sistem kesihatan di mana lebih kompleks yang menerapkan pelbagai unsur multimedia berinteraktif.

Pakej sistem maklumat yang dinamakan Health Information Management System (HIMS) ini adalah ringkasan kepada modul-modul kesihatan yang selama ini banyak berada di pasaran dunia global. HIMS ini adalah merupakan sistem maklumat pengurusan yang memberi pengenalan serba ringkas kepada para pengguna untuk menguji tahap kesihatan, tidak kira dari segi jasmani atau rohani. Dengan mengandungi modul-modul seperti modul maklumat kesihatan pengguna, modul *discussion board*, modul penyakit dan juga modul perkhidmatan, HIMS dilihat merupakan satu maklumat pengurusan yang paling ringkas tetapi mengandungi banyak informasi yang boleh membantu para pengguna.

## PENGHARGAAN

Dengan Namanya Yang Maha Lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah saya panjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kerana telah berjaya menyiapkan Latihan Projek Ilmiah Tahap Akhir WXES 3182 ini sebagaimana yang ditetapkan bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Projek yang merupakan satu kursus wajib bagi setiap pelajar taahap akhir ini berjaya disempurnakan hasil kerjasama yang diterima daripada pelbagai pihak.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek ini, Puan Sri Devi a/p Ravana di atas kesudian beliau memberi panduan dalam menjayakan projek ini. Beliau merupakan seorang ahli akademik yang komited terhadap penyelidikan yang djalan oleh pelajar beliau. Tanpa sikap profesional beliau, sokongan yang berbelah bagi, pengawasan dan nasihat belum tentu projek ini akan berjaya.

Jutaan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En Teh Ying Wah selaku moderator projek ini di atas kesudian beliau untuk mengawasi persembahan dan perjalanan projek ini. Nasihat dan komen anda semasa persembahan banyak membantu di dalam membangunkan projek ini.

Tidak dilupakan juga buat kedua ibubapa saya di atas sokongan dan galakan yang diberikan selama ini kepada diri saya dalam menyiapkan projek Ilmiah Tahap Akhir WXES 3182 ini. Sokongan dan nasihat yang diberikan kepada saya sepanjang projek ini dan masa akademik saya. Tanpa keredhaan mereka, saya tidak akan berada disini hari ini. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan saya yang terlibat di atas pembangunan projek yang dilakukan. Buat saudara Mohd Said Kamis, saudari Siti Suhana dan saudari Hasnidar, kerjasama yang dijalankan adalah diharap mampu

diteruskan dalam menyiapakan Projek Ilmiah Tahap Akhir WXES 3182 nanti.

Akhir sekali, saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana diberi kesihatan dan kekuatan di sekeliling saya dalam menyiapkan Projek Ilmiah Tahap Akhir WXES 3182 ini. Tiada perkataan yang dapat diluahkan selain daripada bersyukur dan dengan ucapan jutaan terima kasih.

Yang Benar

Mohd Zairee bin Zakaria

WEK 000422

2002/2003

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.1	9
Jadual 2.1	22
Jadual 2.2	23
Jadual 2.3	25
Jadual 2.4	26
Jadual 3.1	34
Jadual 3.2	43
Jadual 3.3	44

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1	14
Rajah 2.2	18
Rajah 3.1	41
Rajah 4.1	56
Rajah 5.1	63
Rajah 5.2	65
Rajah 5.3	66
Rajah 5.4	67
Rajah 5.5	68
Rajah 5.6	70
Rajah 5.7	72
Rajah 5.8	74
Rajah 5.9	76
Rajah 5.10	78
Rajah 5.11	81
Rajah 5.12	82
Rajah 5.13	83
Rajah 5.14	84
Rajah 5.15	85
Rajah 6.1	90
Rajah 6.2	105
Rajah 7.1	115

## LAMPIRAN

### KANDUNGAN

Borang Soal Selidik 131

Manual pengguna 132

### SENARAI JADUAL

### SENARAI RAJAH

### Bab 1 : PENGENALAN

1.1 Pengenalan

1.2 Definisi Projek

1.3 Raelensi Projek

1.4 Objektif projek

1.5 Skop Projek

1.6 Jadual Perancangan Projek

### Bab 2 : KAJIAN LITERASI

2.1 Pengenalan

2.2 Kajian Sistem Yang Inisti, Wijud

2.2.1 Kajian Kep 1 – Calculating Your Body Mass Index

2.2.1.1 Kehilangan Sistem CYBMI

2.2.1.2 Kehilangan Sistem CYBMI

2.2.2 Kajian Kep 2 – Calories Count, Healthy Eating and

Rating for Life

2.2.2.1 Kehilangan Sistem Calories Count

2.2.2.2 Kehilangan Sistem Calories Count

## **KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	I
<b>PENGHARGAAN</b>	II
<b>SENARAI JADUAL</b>	IV
<b>SENARAI RAJAH</b>	V
<b>Bab 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Projek	1
1.3 Rasional Projek	3
1.4 Objektif Projek	5
1.5 Skop Projek.	7
1.6 Jadual Perancangan Projek	9

## **Bab 2 : KAJIAN LITERASI**

2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Literasi Sistem Yang telah Wujud	10
2.2.1 Kajian Kes 1 – Calculate Your Body Mass Indexs	11
2.2.1.1 Kelebihan Sistem CYBMI	14
2.2.1.2 Kelemahan Sistem CYBMI	14
2.2.2 Kajian Kes 2 - Calories Count –Healty Exercise and Eating For Life	16
2.2.2.1 Kelebihan Sistem Calories Count	18
2.2.2.2 Kelemahan Sistem Calories Count	18

2.3	Kepentingan Menyimpan Modul Kesihatan Secara Online	20
2.4	Masalah – masalah Kesihatan Yang Timbul	22
2.4.1	Jisim Indeks Badan	22
2.4.2	Nilai Kalori	24
2.4.3	Kadar Denyutan Jantung	24
2.4.4	Tinggi per Badan	25
2.5	Kesimpulan	28

### **Bab 3 : METODOLOGI PEMBANGUNAN**

3.1	Pengenalan	30
3.2	Model Pembangunan Sistem	31
3.3	Perbandingan Model Proses	33
3.4	Pemilihan Model Pembangunan	36
3.5	Fasa-fasa pembangunan	37
3.6	Kajian dan perbandingan Perkakasan dan Perisian	43
3.6.1	Kajian Keperluan Perkakasan	44
3.6.2	Kajian Keperluan Perisian	45
3.7	Kesimpulan	46

## BAB 4 : ANALISA SISTEM

4.1	Pengenalan	47
4.2	Kajian Maklumat	47
4.2.1	Internet	48
4.2.2	Bahan Bacaan	49
4.2.3	Cakera padat dan laman web pakej kesihatan yang sedia ada	49
4.3	Analisis Keperluan Sistem	49
4.3.1	Keperluan Fungsian	50
4.3.2	Keperluan Bukan Fungsian	52
4.4	Analisis Peralatan Pembangunan Sistem	54
4.4.1	Keperluan Perkakasan	54
4.4.2	Keperluan Perisian	55
4.4.2.1	Microsoft Frontpage 2000	56
4.4.2.2	Microsoft Access 2000	58
4.4.2.3	Active Server Pages ( ASP )	59
4.4.2.4	Personel Web Server ( PWS )	60
4.4.2.5	Skrip Java	61
4.4.2.6	Skrip Visual Basic	61
4.5	Kesimpulan	62

## BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

5.1	Pengenalan	63
5.2	Rekabentuk Modul	63
5.2.1	Modul-modul Yang Terlibat	64
5.2.2	Modul <i>My Health Record</i>	65
5.2.3	Modul <i>Pharmacy</i> .	67
5.2.4	Modul <i>Discussion Board</i>	68
5.2.5	Modul Service	69
5.3	Rekabentuk Proses	70
5.3.1	Carta alir sistem bagi Modul Perkhidmatan	71
5.3.2	Carta alir modul Jisim Indeks Badan HIMS	73
5.3.3	Carta alir modul Nilai Kalori HIMS	75
5.3.4	Carta alir modul Denyutan Jantung HIMS	77
5.3.5	Carta alir modul Berat Tinggi Ideal HIMS	79
5.4	Rekabentuk Antaramuka	81
5.4.1	Antaramuka Utama	82
5.4.2	Antaramuka Output	84
5.5	Kesimpulan	86

## BAB 6 : PERLAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN SISTEM

6.1	Pengenalan	87
6.2	Dasar Perlaksanaan	88
6.3	Persekutaran Pembangunan	89
6.4	Langkah-langkah Perlaksanan dan Pembangunan	90
6.4.1	Rekabentuk Antaramuka	90
6.4.2	Pengkodan	91
6.4.2.1	Pengaturcaraan ASP	92
6.4.2.2	Pengaturcaraan HTML	96
6.4.2.3	Skrip Java	103
6.4.3	Penggunaan Pelayan Personel Web Server	104
6.5	Teknik Pengkodan	106
6.6	Kesimpulan	108

## 7.6 Penyelidikan dan Pembentukan

### BAB 7 : PENGUJIAN SISTEM

7.1	Pengenalan	109
7.2	Jenis-jenis Pengujian	111
7.2.1	Pengujian Unit	111
7.2.2	Pengujian Modul dan Intergrasi	112
7.3	Jenis-jenis Kesalahan	112
7.3.1	Kesalahan Algoritma	113
7.3.2	Kesalahan Sintaks	113
7.3.3	Kesilapan Dokumentasi	113
7.4	Pengujian Sistem	114
7.4.1	Ujian Unit	115
7.4.2	Ujian Integrasi	116
7.4.3	Ujian Fungsi	117
7.4.4	Ujian Prestasi	118
7.4.5	Ujian Penerimaan	118
7.4.6	Ujian Pemasangan	118
7.5	Perancangan Sistem	119
7.5.1	Mengawal Aktiviti Pengujian	119
7.5.2	Menganalisa Laporan	120

7.6	Penyelenggaraan	120
7.6.1	Penyelenggaraan Pembetulan	121
7.6.2	Penyelenggaraan Penyempurnaan	121
7.6.3	Penyelenggaraan oleh Pentadbir	122
7.7	Kesimpulan	122

## **BAB 8 : PERBINCANGAN**

8.1	Pengenalan	123
8.2	Kelebihan Sistem	123
8.3	Kelemahan Sistem	125
8.4	Masalah Yang Di hadapi dan Penyelesaiannya	126
8.5	Cadangan Masa Hadapan	129
8.6	Kesimpulan	130

<b>APENDIKS</b>	131
<b>RUJUKAN/BIBLIOGRAFI</b>	157

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 PENGENALAN

Di bahagian ini mengandungi keterangan-keterangan berkenaan definisi, objektif projek, tujuan pembangunan dan skop sistem bagi memberikan gambaran lebih jelas tentang keseluruhan sistem yang bakal dibangunkan kelak. Selain itu dilampirkan juga skedul tugas yang diikuti sepanjang proses pembangunan dijalankan.

## 1.2 DEFINISI PROJEK

Health Information Management System (HIMS) adalah berkisarkan suatu sistem kesihatan yang menggunakan teknologi multimedia sepenuhnya diselangi dengan hiburan berinteraktif. Dibangunkan khusus kepada semua para pengguna tidak mengenal peringkat usia sama ada muda atau tua untuk mengetahui status terkini tahap kesihatan masing-masing serta bertepatan dengan seruan kerajaan sekarang yang lebih mementingkan tahap kesihatan yang sejagat.

Bersetujuan dengan kehendak kerajaan sekarang yang mementingkan tahap kesihatan yang semaksima mungkin, Health Information Management System ( HIMS ) ini menyediakan suatu sistem yang interaktif yang mengandungi cara – cara mengira jisim indeks badan (BMI), berat tinggi carta, kadar denyutan jantung, nilai kalori di dalam tubuh manusia dan berat tinggi ideal. Walaubagaimanapun, sistem yang disediakan ini adalah mesra pengguna di mana pegguna hanya mengambil sedikit masa untuk pemahaman mereka. Para pengguna tidak memerlukan kepakaran yang tinggi untuk mengendalikan sistem HIMS ini di mana semua yang disediakan di dalam sistem ini adalah mudah dan ringkas.

Sistem Health Information Management System (HIMS) ini adalah sistem maklumat yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan kepada para pengguna berikutan tinjauan pembangun di beberapa enjin pencarian di Internet dan pasaran, mendapati sistem maklumat terutama yang melibatkan perkiraan adalah hanya tertumpu pada satu kiraan sahaja. Selain itu, pakej-pakej yang terkandung di dalam Health Information Management System (HIMS) ini sangat sesuai digunakan secara individu, ataupun berkumpulan di samping penekanan terhadap kehadiran pembangun sebagai pembantu.

### 1.3 RASIONAL PROJEK

Sememangnya penghasilan perisian sistem maklumat pengurusan kesihatan ini adalah untuk mempelbagaikan lagi koleksi sistem perisian sistem maklumat pengurusan kesihatan yang sedia ada. Namun ianya bukanlah matlamat utama pembangunan. Apa yang paling penting adalah kesedaran terhadap masyarakat untuk melihat bangsa kita maju seiring dengan bangsa lain terutamanya dengan negara-negara maju khususnya dalam sistem yang berkisarkan pengurusan kesihatan.

Selain itu juga, sejajar dengan perkembangan semasa, sistem maklumat pengurusan ini juga tidak ketinggalan untuk dibangunkan menggunakan pendekatan kesihatan yang bermultimedia bagi menarik minat para pengguna untuk menggunakannya. Walaupun kita sedia maklum sistem pengurusan kesihatan ini adalah sedia ada di dunia pasaran, Health Information Management System (HIMS) adalah direka khusus di atas konsep yang direkabentuk untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan sistem dalam membuat pengiraan seperti jisim indeks badan (BMI), berat tinggi carta, kadar denyutan jantung, nilai kalori di dalam tubuh manusia dan nisbah pinggang-pinggang. Dengan kewujudan sistem maklumat pengurusan yang melibatkan kesihatan seperti ini, adalah diharapkan supaya penjagaan kesihatan oleh masyarakat terutama sekali golongan yang berisiko tinggi mendapat penyakit supaya sentiasa berwaspada dengan nilai kandungan kalori dan sebagainya dalam badan supaya kehidupan dapat diteruskan dengan sempurna.

Tujuan yang paling ketara dalam membangunkan Health Information Management System (HIMS) seperti ini adalah membolehkan para pengguna mengetahui status kesihatan mereka melalui pencapaian internet tanpa perlu melalui prosedur biasa iaitu ke klinik. Ini sudah tentu memudahkan urusan mereka dan sekaligus dapat menjimatkan masa mereka dan memberikan mereka suatu pengalaman yang menarik disertai dengan perasaan ingin tahu tentang perkara-perkara yang selama ini tidak dititik berat langsung oleh mereka. Ini juga secara tidak langsung dapat menyedarkan para pengguna terutamanya masyarakat tentang kepentingan kesihatan di dalam kehidupan mereka seharian dan apakah kesannya jika tahap kesihatan seseorang itu merosot.

## **1.4 OBJEKTIF PROJEK**

- i. Untuk menghasilkan suatu pakej kesihatan yang melibatkan beberapa modul kesihatan di mana setiap modul mempunyai hubung kait antara satu sama lain.
- ii. Melahirkan masyarakat yang mempunyai kesedaran dan minat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan
- iii. Mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dalam aspek Pencegahan, rawatan, pemulihan dan cara-cara mempertingkatkan tahap kesihatan mereka
- iv. Mewujudkan masyarakat yang mempunyai sikap dan amalan yang baik dari segi penjagaan kesihatan
- v. Menyedarkan masyarakat mengenai perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang sedia ada supaya mereka dapat menggunakan secara efisyen
- vi. Mempastikan bahawa setiap kakitangan kesihatan bertanggungjawab merancang dan menjalankan aktiviti pelajaran kesihatan di peringkat masing-masing
- vii. Membantu dan menyokong semua program-program Kementerian Kesihatan dalam aspek-aspek pelajaran kesihatan
- viii. Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program-program kesihatan
- ix. Memberi latihan dalam bidang pelajaran kesihatan kepada kakitangan kesihatan dan kakitangan lain-lain agensi dan jabatan yang ada kaitan

dengan kesihatan serta pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai perhubungan yang rapat dengan masyarakat

- x. Menggunakan seluas-luasnya media massa sebagai satu alat penyebaran maklumat kesihatan kepada orang ramai
- xi. Mengeluarkan dan mengedarkan bahan-bahan pelajaran kesihatan mengikut keperluan program tertentu
- xii. Mewujudkan kerjasama yang lebih rapat dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan sukarela dalam melaksanakan aktiviti pelajaran kesihatan bagi mencapai matlamat program.
- xiii. Menjalankan kajian yang berhubungkait dengan pelajaran kesihatan serta memberikan khidmat kepakaran kepada unit-unit lain dalam menjalankan kajian
- xiv. Mengenalpasti dan menggunakan pendekatan-pendekatan baru seperti penggunaan multimedia dalam menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan
- xv. Menilai keberkesanan aktiviti pendidikan kesihatan yang dijalankan

## 1.5 SKOP SISTEM

Health Information Management System (HIMS) merupakan sistem yang dibangunkan bertujuan mensasarkan pengguna di kalangan remaja dan dewasa. Seperti yang kita tahu, kesihatan merupakan perkara asas bagi setiap individu dan kesihatan juga merupakan aset penting bagi seseorang untuk meneruskan kehidupan mereka di tahap yang sempurna. Ringkasnya, sistem yang dibangunkan ini adalah salah satu sistem yang mana membantu para pengguna untuk mengetahui tahap kesihatannya dengan cepat iaitu hanya melalui pengiraan yang disediakan di dalam sistem ini. Ini kerana konsep yang ditekankan di dalam Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan ini adalah mudah, cepat dan santai. Segala sumber dan idea yang dipraktik di dalam HIMS ini adalah berdasarkan pengiraan yang diperolehi dari sumber-sumber yang sah.

Mutu kesihatan di negara ini adalah sebenarnya masih di tahap yang memuaskan. Oleh yang demikian, sistem ini dibangun adalah berfungsi sebagai perantara antara pengguna dengan para doktor, dengan pelbagai unsur multimedia yang berinteraktif seperti pengiraan pantas dan beberapa animasi dan bunyi yang baik dipercayai dapat memudahkan pengguna yang sentiasa sibuk dalam kehidupan sehari-hari mereka sehingga tiada masa memikirkan tahap kesihatan diri sendiri. Selain itu juga, para pengguna yang mempunyai risiko tinggi dalam kehidupan mereka juga merupakan sasaran pasaran dan misi utama aplikasi sistem ini dibentuk. Sistem ini telah direka khusus untuk berfungsi dalam pelbagai situasi, bersendirian atau berkumpulan dan juga segenap lapisan masyarakat, berpendapatan rendah, sederhana atau tinggi asalkan mereka mempunyai set komputer peribadi. Penggunaan bahasa Inggeris di dalam Health Information

Management System (HIMS) ini berikutan terdapat hanya sebilangan kecil pakej sistem maklumat pengurusan yang berkait dengan kesihatan yang berbahasa Inggeris di pasaran.

Tambahan pula hasrat kerajaan untuk memartabatkan bahasa ini di peringkat global mendorong kepada pemilihan tersebut sebagai bahasa pengantar utama di dalam sisem HIMS ini.

## 1.6 JADUAL PERANCANGAN PROJEK

Jadual 1.1 Carta gantt

BIL	FASA	BULAN											
		MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JAN	FEB		
1.	Analisa Keperluan	x	x	x									
2.	Rekabentuk Sistem	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x		
3.	Rekabentuk Program				x	x	x	x	x	x	x		
4.	Pengkodan							x	x	x	x		
5.	Ujian Unit dan Integrasi				*	x	x	x	x	x	x		
6.	Ujian Sistem			x	x	x	x	x	x	x	x		
7.	Dokumentasi		x	x	x	x	x	x	x	x	x		
8.	Operasi dan Penyelenggaraan							x	x	x	x		

Jadual 1.1 Carta gantt yang disediakan oleh pembangun semasa penyediaan sokongan ini

## BAB 2

# KAJIAN LITERASI

## **2.1 PENGENALAN**

Untuk memperolehi hasil sesuatu projek yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan semua pihak iaitu pembangun, pelanggan dan pengguna, pelbagai bentuk kajian harus dibuat sebaik mungkin khususnya oleh pembangun. Itulah anatara faktor kepentingan kajian literasi, iaitu kajian latar belakang bagi mendapatkan maklumat terkini tentang aspek-aspek tertentu yang berada dalam lingkungan projek. Hasil kajian dapat dimanfaatkan dalam banyak perkara tambahan lagi sebagai pembangun sistem, adalah penting untuk memahami definisi, objektif, keperluan dan isu-isu berkaitan sebelum dapat menghasilkan sistem yang berkualiti.

## **2.2 KAJIAN SISTEM YANG TELAH WUJUD**

Kajian ke atas sistem-sistem yang telah wujud juga telah dilakukan oleh pembangun untuk membangunkan sistem yg sedia ada dengan sistem yang baru hendak dibangunkan. Kajian ini dilakukan adalah semata-mata bertujuan untuk mendapatkan pelbagai idea untuk digabungkan bagi menghasilkan suatu sistem yang lebih baik dan juga untuk memahami pembangunan sistem.

### **2.2.1 Kajian Kes 1 – Calculate Your Body Mass Index**

(<http://nhlbrisupport.com/bmi/>)

Pengiraan jisim indeks badan merupakan obesiti atau kegemukan sering kali dikaitkan dengan penyakit tidak kronik seperti penyakit jantung, diabetes, arthritis dan sebagainya. Ia adalah suatu keadaan di mana berlaku pengumpulan lemak di tubuh badan sama ada secara setempat atau menyeluruh. Dengan itu, adalah penting untuk mengelakkan diri dari menjadi terlalu gemuk dengan mengekalkan berat badan pada berat badan yang unggul. Mengekalkan berat badan yang unggul juga merupakan salah satu cara pencegahan daripada mendapat penyakit kardiovaskular. Di dalam laman web ini, penekanan telah diberikan kepada pengiraan jisim indeks badan. Daripada penelitian terhadap sistem yang ada pada laman web ini, di dapati pengiraan jisim indeks badan ini hanya tertumpu pada golongan dewasa tidak kira berlainan jantina.

Daripada kajian yang telah dilakukan pada laman (<http://nhlbrisupport.com/bmi/>) ini, di dapati laman web ini menyediakan perkhidmatan seperti berikut :

- Pengiraan Jisim Indeks Badan (BMI) sahaja dengan menggunakan ukuran metrik atau English.
- Pautan pada papan pesanan melalui dua pilihan di aman setiap pengguna bebas memasuki mana-mana papan pengiraan dengan percuma tanpa perlu memberi kata laluan.
- Laman web ini juga memberi jaringan lain kepada pengguna untuk mengetahui tentang infosrmasi kesihatan berdasarkan informasi jaringan yang lain.

- Pengiraan yang pantas dengan memberi keputusan sama ada seseorang itu normal dengan berat badan berbanding dengan ketinggian yang dimiliki oleh seseorang menggunakan pengiraan piawai bergantung pada umur, jantina, tinggi dan saiz rangka.

Melalui pemerhatian yang dilakukan pada laman web tersebut, dapat disimpulkan bahawa pada sistem yang disediakan pada laman web ini, dua penekanan utama diberikan iaitu pengiraan jisim indeks badan dan kesan risiko yang mungkin dialami oleh seseorang individu jika mengalami masalah jisim indeks badan.

Laman utama web ini telah menyenaraikan dua modul kepada pengguna iaitu sama ada golongan individu biasa ataupun golongan profesional. Di samping itu juga, pada laman utama web ini juga menyediakan perancangan menu dimana ianya bertujuan memberi perancangan menu kepada pengguna untuk merancang pemakanan untuk mendapatkan jisim indeks badan yang sesuai.

Perancangan menu ini pula terdiri terbahagi kepada jenis-jenis sarapan, sama ada sarapan pagi, tengahari atau malam dimana pengguna diberikan menu pilihan makanan sama ada buah-buahan, sayur-sayuran, susu, bijirin dan kanji, daging dan protein, minuman dan kandungan lemak dalam makanan. Di samping itu juga, pada halaman menu perancangan juga, terdapat pengiraan terus jumlah kalori yang terdapat pada pemakanan tersebut, berapa nilai kalori makanan yang digunakan dan juga berapa baki yang masih terdapat pada makanan tersebut.

Pengguna tidak perlu mempunyai kata keselamatan. Di sini bermaksud, pengguna bebas untuk mencapai sistem yang disediakan namun tiada penyimpanan rekod dibenarkan pada sistem yang disediakan ini.

### **2.2.1.1 Kelebihan Sistem Calculate Your Body Mass Index**

Antara kelebihan yang disediakan oleh sistem Calculate Your Body Mass Index ini adalah seperti berikut :

- pengiraan di dalam dua unit yang berbeza, iaitu satu dalam unit ukuran Inggeris dan satu lagi di dalam unit piawaian metrik
- menyediakan pautan kepada maklumat berkaitan dengan jisim indeks badan
- pengiraan yang pantas dan ini tentu memudahkan pengguna untuk mengetahui maklumat dengan segera
- jadual yang disediakan memudahkan pengguna mengetahui status jisim indeks badan mereka, sama ada mereka sihat ataupun sebaliknya.

### **2.2.1.2 Kelemahan Sistem Calculate Your Body Mass Index**

Antara kelemahan yang didapati daripada sistem Calculate Your Body Mass Index ini pula adalah seperti berikut :

- Hanya menumpukan kepada pengiraan jisim indeks badan sahaja. Di sini bermaksud ia tidak mempunyai kemodularan yang tinggi kerana ianya tidak menawarkan perkhidmatan selain daripada pengiraan BMI sahaja.
- Terdapat dua unit ukuran, ini tentu akan memberi masalah kepada pengguna yang tidak mengetahui sukatan mana yang boleh dipercayai ramai.
- Terbuka untuk semua golongan di mana sistem ini tidak spesifik untuk lelaki atau perempuan.

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH

**National Heart, Lung, and Blood Institute**

[Healthy Weight Home](#) [Menu Planner](#) [OEI Home Page](#)

Calculate Your Body Mass Index

Body mass index (BMI) is measure of body fat based on height and weight that applies to both adult men and women.

- Enter your weight and height using English or Metric measures.
- Click on compute and your BMI will appear in the heart of the figure.
- See "Assessing Your Risk" for the health risks associated with overweight and obesity.
- Limitations of the BMI

BMI Categories:

- Underweight = <18.5
- Normal weight = 18.5-24.9
- Overweight = 25-29.9
- Obesity = BMI of 30 or greater

[Go to the BMI tables.](#)

Note: If this does not work with your browser or for a text alternative to this page, go to our CGI based BMI Calculator

[Healthy Weight Home](#) | [Menu Planner](#) | [OEI Home Page](#)

### Rajah 2.1 – Antaramuka Kajian Kes 1

Rajah 2.1 menunjukkan gambaran antaramuka bagi sistem yang dimaksudkan iaitu Calculate Your Body Mass Index. Pengguna hanya perlu memasukkan nilai tinggi dan juga nilai berat, kemudian butang *compute MBI* ditekan, keputusan mengenai jisim indeks badan akan diketahui.

## **2.2.2 Kajian Kes 2: Calories Count –Healty Exercise and Eating For Life**

(<http://www.caloriescount.com>)

Perisian yang dibeli oleh Majlis Kawal Kalori (Calorie Control Council) ini merupakan perisian dimana bertujuan membenarkan pengguna mengira nilai kalori di dalam badan. Perisian yang disediakan ini lebih selamat dimana pengguna diberi dua pilihan, sama ada mendaftar sebagai ahli ataupun hanya terus mencapai sistem yang telah disediakan tanpa perlu memasukkan katakunci atau kata nama terlebih dahulu.

Di dalam perisian yang disediakan untuk pengguna ini, terdapat enam modul utama yang boleh dicapai oleh pengguna dalam mengira sumber kalori. Modul-modul tersebut ialah :

### **1. Modul Peralatan dan Pengiraan**

Di dalam modul ini, terdapat langkah-langkah yang perlu di beri perhatian oleh pengguna bagi memastikan tidak ada kehilangan kalori yang boleh disabitkan berdasarkan faktor pemakanan. Selain daripada itu juga, terdapat juga perancangan pemakanan harian di mana di dalamnya semua jenis pemakanan direkodkan di dalam rekod yang disediakan.

### **2. Resipi dan Perancangan Waktu Makan**

Modul ini menerangkan apakah makanan yang paling sesuai untuk diambil bagi seseorang bagi menjamin kandungan nilai kalori dalam badan. Disamping itu juga, ia juga menerangkan tentang resepi-resepi dan nilai kalori dalam makanan tersebut.

### **3. Modul *Winning By Losing***

Modul ini memberi penerangan tentang keistimewaan kehilangan lemak dan dimana nilai kalori badan akan bertambah. Sebagai contoh, peminuman susu soda akan memberi kelebihan di mana kehilangan lemak dalam badan dan ini akan memberi penambahan nilai kalori dalam badan.

### **4. Modul Mendapatkan Fizikal Yang Baik**

Di dalam modul ini, pengguna diberikan penerangan tentang aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan untuk mendapatkan kesihatan yang sempurna. Selain itu, terdapat juga kata nasihat dari pakar tentang cara yang baik untuk mengekalkan kesihatan badan. Di samping itu juga, pemberian e-mel tentang bagaimana untuk mendapatkan kesihatan yang baik juga disediakan.

### **5. Modul Sokongan dan Perbualan**

Modul ini memberi kesempatan kepada pengguna untuk berkongsi maklumat dengan pengguna yang lain dalam membincangkan tentang kesihatan diri. Selain itu juga, pengguna juga dapat berunding bersama pakar tentang kesihatan, diet dan isu latihan

### **6. Motivasi**

Ruangan ini memberikan tentang rencana atau nasihat kepada pengguna dalam memotivasikan diri untuk mendapatkan berat badan unggul.

### **2.2.2.1 Kelebihan Sistem Calories Count**


Antara kelebihan sistem yang disediakan disediakan oleh Majlis Kawal Kalori ( Calorie Control Council ) ini adalah :

- Pengiraan nilai kalori dengan cepat, tidak kira untuk golongan remaja atau pun dewasa.
- Penyediaan waktu makan yang terancang dan resipi yang sesuai untuk mencapai nilai badan yang diingini.
- Capaian 24 jam sehari setiap hari 7 hari seminggu
- Terdapat nasihat-nasihat dari pakar-pakar tentang kesihatan dan juga dapat laman bual untuk pengguna berkongsi masalah atau maklumat dengan pengguna yang lain.
- Mempunyai kata keselamatan, disini maklumat pengguna terjamin kerana bukan semua dibenarkan mencapai kerahsiaan data pengguna terbabit.

### **2.2.2.2 Kelemahan Sistem Calories Count**

Antara kelemahan yang didapati daripada sistem Calories Count ini pula ialah :

- Kadar bayaran yang ditetapkan untuk pengguna jika ingin mendaftar sebagai ahli. Ini sudah tentu membebankan pengguna jika ingin mengetahui maklumat kesihatan terutama untuk mendapatkan nilai kalori badan dengan segera.
- Rekabentuk sistem juga agak kompleks dan ini menjadikan sistem ini hanya boleh digunakan oleh pengguna yang biasa menggunakan komputer sahaja. Selain itu, pengguna memerlukan latihan yang cukup untuk menggunakan sistem dan ini mengambil masa yang agak lama



Rajah 2.2 : Antaramuka Kajian Kes 2

Rajah 2.2 menunjukkan gambaran antaramuka bagi sistem yang dimaksudkan iaitu *Calories Count*. Pengguna perlu memasukkan kata laluan terlebih dahulu sebelum membuat pengiraan yang dikehendaki. Sistem ini banyak menyediakan kemudahan kepada para pengguna dalam merancang kesihatan yang maksima mungkin.

## 2.3 KEPENTINGAN MENYIMPAN MODUL KESIHATAN SECARA NLINE

Penyimpanan modul kesihatan merupakan langkah yang bijak kepada para pengguna dan juga pembangun. Seperti yang kita sedia maklum, terdapat banyak sistem-sistem yang telah wujud di dunia yang global ini bergantung kepada komputer secara peribadinya. Oleh yang demikian, dengan adanya modul sistem di dalam komputer atau lebih jelas di simpan secara maya di dalam komputer, modul-modul itu selamat dari pelbagai risiko yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada sistem pangkalan data terbabit. Di dalam dunia yang serba canggih ini yang mana boleh dikatakan juga sebagai perhubungan tanpa sempadan, masalah seperti kemsukkan secara luar kawalan atau *hacking* merupakan masalah yang seringkali di timbulkan kepada masyarakat umum secara amnya. Namun demikian, masalah sebegini dapat di atasi dengan penggunaan kata laluan kepada sistem terbabit di mana secara tidak langsung, sistem terbabit akan dilindungi dari dicerobohi dengan senang.

Memang tidak dinafikan masalah sedemikian tidak akan hilang. Begitu juga dengan masalah penyebaran virus kepada modul-modul yang dilakukan. Di sini dapat dinyatakan, jika sesuatu modul itu diserang virus, modul-modul yang disimpan secara maya tadi dapat membantu pembangun untuk mendapatkan balik data-data yang disimpan. Sebagaimana penggunaan kata laluan, bagi ancaman virus ini pula, penggunaan perisian keselamatan yang terkini perlu juga ada pada sesebuah komputer terbabit. Seperti yang kita sedia maklum, banyak perisian-perisian sekarang yang mampu mencegah sekurang-kurangnya daripada virus terbabit menyerang semua modul kesihatan yang disimpan di dalam cakera keras.

Selain itu juga, kepentingan menyimpan modul secara kesihatan juga dapat dilihat sebagai satu langkah yang bijak. Di sini fail-fail berkenaan dengan sistem terbabit dapat dikongsi dengan pengguna yang lain dan ini secara tidak langsung dapat memberi kemudahan kepada pengguna untuk menggunakan sistem yang dibangunkan. Perkongsian fail ini dilihat sebagai langkah yang bijak dan ini sudah tentu dapat mengelakkan daripada penyimpanan secara berterusan di dalam cakera keras.

Di samping itu juga, perkongsian aplikasi berkenaan dengan pembangunan sistem juga dapat dilakukan. Perkongsian ini bukan sahaja akan memberi gambaran kepada pengguna, namun ianya juga merupakan perkara penting kepada pembangun-pembangun yang baru hendak mempelajari bagaimana sistem ini dapat berfungsi dengan baik. Selain itu juga, kepentingan menyimpan modul secara online juga dapat dilihat daripada aktiviti pemindahan fail ke dalam internet. Fail-fail yang dipindahkan ini bertujuan untuk melindungi kerahsiaan data yang ada di dalam sesuatu modul, dan juga bagi menjamin kelancaran sistem yang dibangun tidak terganggu oleh pihak yang lain.

Kepentingan yang terakhir berkenaan dengan penyimpanan modul secara online ialah kemasukkan data ke dalam sistem secara serentak. Ini jelas menyatakan kepada kita, data-data yang hendak dicapai atau diakses dapat dilakukan pada masa yang sama tanpa perlu menunggu pada suatu keadaan sahaja. Capaian ini boleh dilakukan dimana-mana tempat dan ini sudah tentu memudahkan pembangun dan juga pengguna. Dari segi pembangun, ia dapat memastikan modul yang dimuat naik kedalam sistem tadi dapat menampung aktiviti yang sama pada masa yang serentak dan bagi pengguna pula, mereka tidak perlu untuk mennunggu giliran dalam membuat capaian bagi mengetahui maklumat kesihatan yang ingin diketahui dengan cepat.

## 2.4 MASALAH-MASALAH KESIHATAN YANG TIMBUL

Di dalam modul ‘*Services*’ bagi Health Information Management System ini, pembangun telah membuat kajian berkenaan dengan empat sub sistem yang hendak dibangunkan. Seperti yang kita sedia maklum, jisim indeks badan, nilai kalori badan dan kadar denyutan jantung adalah merupakan komponen utama kesihatan yang sering diabaikan oleh pengguna terutamanya masyarakat di Malaysia.

Masyarakat di Malaysia sering lupa dan ada kalanya mereka sendiri tidak mengetahui risiko yang mungkin dialami oleh mereka, sama ada mereka berada di dalam lingkungan tiga keadaan, berlebihan, normal atau kekurangan. Berikut adalah dinyatakan kajian yang telah dilakukan ke atas keempat-empat modul utama di dalam modul perkhidmatan Health Information Management System :

### 2.4.1 JISIM INDEKS BADAN

Jisim indeks badan adalah merupakan ukuran berat per ketinggian yang dikuasai duakan. Di sini dapat dinyatakan bahawa lebih tinggi jisim indeks badan anda atau secara ringkasnya lebih tinggi BMI anda, anda berisiko tinggi untuk mengalami masalah seperti masalah tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, penyakit jantung atau kencing manis.

Jadual 2.1 Jadual BMI ini menunjukkan apakah kesan yang bakal dihadapi jika seseorang itu mengabaikan berat badan beliau.

BMI	Kesan
Kurang dari 20	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan BMI yang rendah bagi kebanyakan orang. Masalah kekurangan sebegini menunjukkan pengguna terbabit tidak sihat dari fizikal beratnya dan ini boleh dikaitkan dengan masalah kesihatan yang lain.</li> </ul>
Lingkungan 20-25	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan BMI yang paling ideal bagi kebanyakan pengguna sekarang. Ia juga boleh menyatakan seseorang itu mempunyai berat badan yang sesuai dengan ketinggian yang dimiliki.</li> </ul>
Lebih besar dari 25	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Masalah yang mungkin bakal di hadapai oleh pengguna yang mana BMI mereka di dalam lingkungan ini. Pengguna mungkin mengalami masalah ketinggian yang luar biasa ataupun mengalami masalah kegemukan yang serius. Pengguna di dalam lingkungan ni dinasihati berjumpa dengan pakar kesihatan untuk mengelak daripada mengalami masalah yang tidak diingini.</li> </ul>

#### **2.4.2 KADAR DENYUTAN JANTUNG**

Secara amnya, seseorang itu hendaklah menjaga kadar denyutan jantung beliau dengan sempurna. Kadar denyutan jantung yang paling optimal apabila seseorang itu berada di dalam keadaan lasak ialah sebanyak 70% sehingga 80% sahaja. Selain itu juga, aktiviti lasak tidak seharusnya diamalkan selalu oleh seseorang. Ini memungkinkan jantung mengalami masalah kerana aktiviti pengepaman darah lebih banyak darah pada peringkat maksimum ini dan dapat menanggung daripada keterikan kurang lebih lama.

Berikut merupakan sasaran denyutan jantung yang dikira di dalam masa 10 saat berdasarkan umur seseorang :

**Jadual 2.2 Sesaran denyutan jantung yang dikira dalam masa 10 saat**

Umur	20	30	40	50	60	
Rendah	23	22	21	20	18	( 70 % pada kadar maksima )
Tinggi	28	27	26	24	23	( 85 % pada kadar maksima )

#### **2.4.3 NILAI KALORI BADAN**

Dalam mengamalkan diet, seseorang itu perlu mengetahui dahulu status berat mereka. Sebelum aktiviti mengurangkan diet seperti contoh, pengamalan cara diet , penambahan berat dan juga pengekalan berat perlulah dibuat berdasarkan keperluan nilai kalori dalam badan. Ini kerana, kalori merupakan tenaga yang perlu dijanakan untuk mendapatkan kekuatan kepada tubuh badan manusia.

Sebagai contoh, apabila berada di dalam keadaan rehat, seseorang itu mempunyai sebanyak 1300 kalori yang diperlukan bagi badan wanita dan sebanyak 1600 kalori bagi kaum lelaki. Ini merupakan berat yang paling ideal jika seseorang itu tidak melakukan

apa-apa aktiviti. Jika tidak, risiko anda untuk menghadapi masalah-masalah kesihatan adalah tinggi seperti kencing manis dan serangan jantung dan adalah dinasihatkan anda mengawal kaedah pemakanan anda dan segera berjumpa dengan pakar kesihatan untuk menjamin hidup yang sihat.

#### **2.4.4 BERAT BADAN UNGGUL**

Setiap manusia dicipta dengan keadaan yang berbeza. Kita mempunyai gen yang berbeza, suatu jantina yang berbeza, suatu metabolisme yang berbeza, suatu gaya hidup yang berbeza dan kita pun mungkin mempunyai sebuah kebudayaan yang berbeza. Namun demikian, kita harus menitikberatkan memelihara berat kita di dalam suatu lingkungan berat yang ideal yang boleh diterima pada kadar yang tertentu. yang sama.

Berikut merupakan berat badan yang sesuai bagi golongan lelaki dan juga perempuan.

**Jadual 2.3 Jadual berat badan ideal bagi golongan lelaki**

Tinggi ( cm )	Berat ( Kg )
147.3	39 – 47.7
149.9	41 – 50.5
152.4	43.2 – 53.2
155	46 – 56
157.5	48.2 – 59
160	51 – 61.8
162.6	53.2 – 65
165.1	55.5 – 68.2
167.6	58.2 – 71
170.2	60.5 – 74.1
172.7	63.2 – 76.8
175.3	65.5 – 80
177.8	67.7 – 83.2
180.3	70.5 – 85.9
182.9	72.7 – 89
185.4	75.5 – 91.8
188	77.7 – 95
190.5	80 – 98.2
193	82.7 – 101
195.6	85 – 104
198.12	87.7 – 106.5

**Jadual 2.4      Jadual berat badan ideal bagi golongan wanita**

Tinggi ( cm )	Berat ( Kg )
142.24	34.5 – 41.8
144.8	35.9 – 44
147.3	36.8 – 46
149.9	39.5 – 48.2
152.4	41 – 50
155	43.2 – 52.3
157.5	45 – 55
160	47.3 – 57.3
162.6	49 – 60
165.1	51.4 – 62.3
167.6	53.2 – 65
170.2	55.5 – 67.3
172.7	57.3 – 70
175.3	59.5 – 72.3
177.8	61.4 – 75
180.3	63.6 – 77.3
182.9	65.5 – 80
185.4	67.7 – 82.3

## 2.5 KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, bab ini adalah berkenaan dengan kumpulan maklumat-maklumat hasil penyelidikan daripada pelbagai sumber. Seperti yang kita sedia maklum, bab ini merupakan bab yang paling penting kerana menerusi penyelidikan dan kajian yang dilakukan, pembangun akan lebih memahami maksud projek, matlamat dan kehendak pengguna yang terlibat.

Hasilnya, pembangun mendapati kebanyakkan pengguna sekarang terutama golongan yang berada di desa masih kurang mengetahui langkah yang cepat untuk mengetahui status kesihatan mereka. Walaupun sistem-sistem untuk pengiraan seperti jisim indeks badan, pengiraan nilai kalori badan, pengiraan kadar denyutan jantung dan berat per tinggi banyak, namun penggunaannya terutama di kalangan masyarakat di Malaysia masih kurang. Disini dapatlah dibuat kesimpulan, penggunaan laman web yang berkait dengan pengiraan status kesihatan secara amnya masih kurang dititik berat oleh masyarakat kita sendiri. Kesedaran perlu dibuat segera bagi menyedarkan mereka seterusnya dapat bersaing dengan masyarakat luar dalam perkembangan teknologi yang berkembang pantas secara amnya. Selain dapat mengurangkan kadar risiko bagi mereka yang mempunyai risiko yang tinggi, sekurang-kurangnya langkah berjaga-jaga perlu juga diberi perhatian oleh semua golongan.

Dan dari sini, kempen yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan rakyat Malaysia celik komputer harus diteruskan. Sebagai contoh, kempen pemilikan komputer “Satu Rumah Satu Komputer” harus dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat di negara ini mengetahui sekurang-kurangnya asas komputer disamping membolehkan mereka melibatkan diri di dalam projek-projek mega yang telah dan sedang dibangunkan. Antaranya, penggunaan kad pintar, teleperubatan, perpustakaan

maya, universiti maya, sekolah bestari, kerajaan elektronik yang semuanya adalah terhasil daripada pembangunan Lebuhraya Koridor Raya Multimedia (MSC).

University of Malaya

# **BAB 3**

# **METODOLOGI**

### **3.1 PENGENALAN**

Di peringkat ini, penerangan banyak berkisar tentang perancangan dan prosedur yang dijalankan dalam membangunkan projek. Perancangan meliputi model pembangunan yang digunakan dan organisasi sistem yang dicadangkan secara ringkas. Prosedur pula berkenaan dengan keperluan perisian dan perkakasan yang diperlukan untuk tujuan pembangunan.

Metodologi didefinasikan sebagai satu koleksi prosedur, teknik, alatan dan sebarang corak bantuan dokumentasi. Dalam membengunkan satu sistem yang terdiri daripada jujukan proses-proses tertentu di dalamnya satu model pembangunan yang terdiri daripada jujukan peringkat dalam proses pembangun sistem tersebut perlu ditunjukkan bagi membantu pengguna dan juga pembangun sistem amnya dalam melakukan perancangan awal dan juga menjangkakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang proses pembangun sistem.

### **3.2 MODEL PEMBANGUNAN SISTEM**

Model pembangunan sistem merupakan suatu keperluan yang penting kerana :

1. Mewujudkan pemahaman yang sama terhadap aktiviti, sumber dan kekangan.

Membentuk satu pemahaman yang mudah dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti, sumber-sumber dan juga memperuntukan penghadan yang mungkin terdapat di dalam proses pembangunan daripada pemnghuraian kepada proses pembangunan sistem

2. Membantu mencari ketakkonsistenan dan lewahan di dalam proses

Dengan memodelkan perlaksanaan aktiviti sepanjang proses pembangun akan membantu dalam melaksanakan langkah yang efektif dalam sebarang fasa di dalam model apabila sebarang ketidakselajaran di dalam satu-satu proses pada peringkat fasa tertentu di dalam sistem telah dikenalpasti dari awal.

3. Mencerminkan matlamat pembangun

Dengan memodelkan sistem ini, secara tidak langsung pembangun akan dapat menjelaskan matlamat sebenar sistem ini dibangunkan. Secara tidak langsung juga ini membantu pengguna dalam mengetahui tujuan sebenar sistem ini diperlukan juga

### 3.3 Perbaungan Model Proses

4. Setiap proses mestilah disesuaikan untuk situasi khusus di mana ia akan digunakan.

Dengan menggunakan model dalam membangunkan sesebuah sistem tertentu jujukan fasa-fasa dalam proses pembangunan mempunyai kaitan dengan fasa sebelum dan selepasnya ini. Perhubungan ini akan dapat membantu para pembangun sistem dalam merangka peruntukan kos dengan masa yang ditetapkan dalam setiap fasa dalam membangunkan satu sistem perisian.

5. Supaya sistem yang dibangunkan bersistematis dan mengikut skedul yang ditetapkan.

Dengan merekabentuk model pembangunan untuk sesebuah sistem, pembangun sistem akan dapat menjelaki di mana satu-satu perlaksanaan proses dijalankan pada fasa tertentu.

Terdapat pelbagai model pembangunan yang boleh dimodalkan dalam membangunkan sesebuah sistem. Antaranya ialah model Air Terjun, model V, model air terjun dengan prototaipan dan sebagainya.

### 3.3 Perbandingan Model Proses

Proses pembangunan sesebuah sistem memerlukan satu susunan perancangan yang terancang di mana ianya akan dibangunkan mengikut masa dan kualiti yang ditetapkan. Tanpa satu perancangan yang baik, proses pembangunan serta kejuruteraan sistem ini akan mengalami beberapa masalah seperti kelwatan tempoh pembinaan, kualiti yang tidak sesuai sebagaimana yang dirancang, proses pembinaan yang kelam kabut dan ada kalanya pembinaan terpaksa dibatalkan.

Terdapat banyak teknik perancangan atau metodologi perancangan bagi pembangunan sesebuah sistem, antaranya ialah :

- Model Air Terjun
- Model Air Terjun dengan prototaip
- Model V
- Model Prototaip
- Model Spesifikasi Operasian
- Model Transformasi
- Model Pembangunan Berfasa : Penokokan dan Iterasian

Di sini dinyatakan perbandingan antara kesemua jenis model yang dinyatakan. Perbandingan ini adalah meliputi faktor kesesuaian, di mana faktor kesesuaian terbabit adalah dari segi tempoh pembangunan, jumlah tenaga kerja yang terlibat dan lain-lain lagi.

Model	Kebaikan	Keburukan
Model Pembangunan Air Terjun	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Senang diterangkan kepada pelanggan yang tidak biasa dengan pembangunan sistem</li> <li>➤ Memberi pandangan tahap tinggi kepada pembangun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak menggambarkan bagaimana kod dihasilkan</li> <li>➤ Tidak menyediakan pendumuan untuk mengendali sebarang perubahan projek</li> </ul>
Model Air Terjun dengan Protoait	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membenarkan pelanggan dan pembangun untuk memeriksa/menilai sebahagian dari aspek sistem</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menggunakan teknik pemprotaipan-mesti mengetahui pemprotaipan jenis yang spesifik</li> </ul>
Model V	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menunjukkan bagaimana aktiviti pengujian berkait rapat dengan analisa dan rekabentuk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pengasingan pengujian dimana fungsi pengujian unit dan intergrasi dengan pengujian penerimaan adalah berbeza.</li> </ul>

Model Prototaip	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membenarkan semua /sebahagian daripada sistem dibina dengan cepat</li> <li>➤ Pembangun dan pelanggan mempunyai pemahaman yang sama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kualiti perisian dipertikaikan kerana disiapkan dalam keadaan tergesa-gesa</li> <li>➤ Sistem pengendalian yang digunakan mungkin tidak sesuai</li> <li>➤ Keperluan sistem mesti dilaksanakan mengikut kelakuan sistem</li> <li>➤ Menghapuskan beberapa langkah-langkah pembangunan,memungkinkan kesialapan seterusnya menggagalkan projek.</li> <li>➤ Sistem yang dihasilkan tidak mengikut jujukan, yang mana penting sahaj disiapkan dahulu.</li> </ul>
Model Transformasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Spesifikasi formal ditunjukkan dengan tepat supaya transformasi boleh berjalan dengan betul</li> </ul>	
Model Pembangunan Berfasa: 'Penokokan dan Interasian'	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mengurangkan kitar masa, tahun di antara keperluan dokumen ditulis dan masa sistem dihasilkan</li> </ul>	

Jadual 3.1 PERBEZAAN ANTARA MODEL PEMBANGUNAN PROSES

### **3.4 PEMILIHAN MODEL PEMBANGUNAN**

Dalam membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan bagi modul perkhidmatan ini, corak pembangunan berasaskan kepada Model Air Terjun. Model ini mempunyai beberapa kelebihan tersendiri

Model pembangunan berasaskan Model Air Terjun ini digunakan adalah disebabkan oleh beberapa sebab iaitu :

- Mudah digunakan dan difahami, bersesuaian untuk pembangun yang tiada pengalaman dalam pembangun sistem.
- Berjujukan dan mengikut fasa yang telah ditetapkan
- Penyelenggaraan boleh dibuat pada setiap fasa kerana ia mempunyai ciri-ciri kitaran yang pelbagai.
- Pertukaran dan perubahan dapat dibuat dengan mudah pada setiap fasa jika ada permintaan baru. Proses literasi boleh dilakukan banyak kali dan ini membolehkan suatu produk akhir berkualiti tinggi dihasilkan.

### **3.5 FASA-FASA PEMBANGUNAN**

Di dalam proses pembangunan sistem ini, terdapat 7 fasa utama yang perlu dilaksanakan dalam proses membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan khasnya bagi modul perkhidmatan ini.

Fasa-fasa yang terlibat dalam pembangunan sistem ialah seperti berikut :

1. Fasa Analisis Keperluan
2. Fasa Rekabentuk Sistem
3. Fasa Rekabentuk Aturcara
4. Fasa Pengkodan
5. Fasa Pengujian Unit
6. Fasa Pengujian Sistem
7. Fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan

Penerangan mengenai peringkat yang terlibat dalam pembangunan sistem ini :

1. Fasa Analisa Keperluan

Fasa ini merupakan fasa yang melibatkan aktiviti kajian awal, kajian kepustakaan, penganalisaan komponen yang terlibat dalam sistem dan pengenalpastian tentang permasalahan dalam membangunkan sistem.

Terdapat tiga aktiviti yang penting di dalam fasa ini iaitu

a) Kajian awal

Dalam melaksanakan kajian awalan ini melibatkan kajian tentang sebab utama membangunkan sistem, seterusnya pengenalpastian desinisi sistem, skop dan objektif yang akan dicapai di dalam pembangunan sistem, dan juga perancangan perlaksanaan aktiviti tertentu sepanjang proses pembangunan sistem.

b) Kajian terperinci ( kajian kepustakaan )

Kajian berikutnya melibatkan kajian kepustakaan, proses pemahaman yang mendalam bagi mengenalpasti definasi sistem, corak teknik dalam pembangunan sistem-sistem yang sedia ada di dalam pasaran. Dengan membentuk pemahaman yang mendalam dalam pengkajian tahap ini akan melancarkan proses pembangunan sistem. Dengan mengapdatasi kepenggunaan teknik tertentu yang difikirkan sesuai untuk diestrakkan kepada sistem yang akan dibangunkan akan menjelaskan persoalan mengapa sesuatu teknik tersebut diimplementasikan di dalam satu sistem yang sedia ada.

c) Kajian penganalisaan

Di dalam proses penganalisaan ini memberi perhatian kepada keperluan sistem. Peringkat analisa sistem ini meliputi aktiviti mencari dan menganalisa data-data dan maklumat-maklumat yang berkaitan bagi mengenalpasti masalah dan keperluan sistem.

Strategi serta perancangan perlu di atur bagi pengumpulan maklumat dan data-data tersebut. Ini dapat dilihat daripada pengeskrakkan komponen yang terlibat di dalam sistem yang dibangunkan. Lokasi penempatan sesebuah sistem perlu dikenalpasti bagi memerhatikan pengguna yang akan menggunakan sistem ini. Segala kehendak pengguna perlu diikuti bagi memperolehi sesebuah sistem yang bertepatan dengan keperluan pengguna seterusnya memenuhi segala kehendak pengguna tersebut.

Fasa ini perlu dilaksanakan dengan teperinci dan rapi bagi memperolehi pemahaman yang mendalam terhadap persoalan-persoalan membabitkan perlaksanaan berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai oleh sistem.

### **3. Fasa Pengkodan**

#### **2. Fasa Rekabentuk Sistem**

Di dalam fasa ini akan menfokuskan kepada proses pembinaan sistem dengan merangkumi aktiviti seperti :

- Melakarkan model binaan sistem
- Mereka bentuk antara muka pengguna dalam grafik
- Menentukan modul yang akan dibangunkan di dalam sistem
- Melakarkan rekabentuk konsep dan rekabentuk teknikal sistem

#### **3. Fasa Rekabentuk Aturcara**

Fasa ini memfokuskan kepada rekabentuk teknikal sistem yang telah dilakarkan pada fasa rekabentuk sistem sistem diolah kepada bentuk pengaturcaraan. Gambaran teknikal dilaksanakan mengikut gambarajah carta aliran data untuk menjadi model dalam mengkodkan aliran tersebut ke proses pengekodan.

#### **4. Fasa Pengkodan**

Di dalam fasa ini proses-proses pengekodan dilaksanakan, di mana daripada carta aliran yang telah diolah di dalam fasa rekabentuk aturcara dikodkan sebagai satu bentuk aturcara yang tertentu. Fasa ini adalah penting kerana ia adalah tulang belakang di dalam sesebuah sistem. Pengekodan perlu dilakukan dengan teliti bagi menghasilkan satu bentuk aturcara dengan kod yang berkualiti dengan strategi pengendalian-pengendalian yang tertentu dalam membantu menyelenggara permasalahan yang melibatkan kod aturcara.

## 5. Fasa Pengujian Unit


Di dalam fasa ini, pengujian dilaksanakan dengan menggunakan data yang realistic dan pengujian melibatkan pengguna di dalam menentukan fungsi yang digunakan selaras dengan kehendak pengguna. Fasa pengujian ini akan menggunakan teknik-teknik tertentu terhadap fungsi modal tertentu yang dibangunkan di dalam sistem ini.

## 6. Fasa Pengujian Sistem

Di dalam fasa pengujian sistem ini melibatkan ujian intergrasi di antara modul-modul yang dibina di dalam sistem. Ujian dilakukan secara menyeluruh dengan menggabungkan keseluruhan modul supaya dapat bertindak sebagai satu unit sistem yang lengkap. Antara ujian yang akan dilaksanakan sepanjang proses pengujian sistem ini adalah seperti pengujian fungsi, pengujian keupayaan dan pengujian pemasangan.

## 7. Fasa Pengperasian dan Penyelenggaraan

Di dalam fasa ini akan mendokumentasikan cara bagaimana pengguna akan dapat menggunakan sistem dengan kaedah yang digariskan oleh pembangun sistem. Di dalam dokumentasikan ini juga mengandungi segala diskripsi mengenai proses pengendalian masalah jika terdapat permasalahan yang mungkin ditemui oleh pengguna sepanjang penggunaan sistem. Pengguna menyediakan dokumentasi ini bagi memastikan bahawa pengguna serasi dengan cara penggunaan sistem yang betul dan juga memudahkan pengguna di dalam mengendalikan sesuatu situasi tanpa merujuk pembangun sistem.

**RAJAH 3.1: GAMBARAJAH MODEL PEMBANGUNAN AIR TERJUN**

Rajah 3.1 Model Pembangunan Air Terjun yang akan digunakan oleh pembangunan dalam menghasilkan sistem HIMS

### 3.6 KAJIAN PERKAKASAN DAN PERISIAN

Di dalam menghasilkan sistem HIMS ini, pembangun telah mengkaji perkakasan yang sesuai untuk menampung keperluan sistem untuk bergerak dengan lebih cepat dan pantas. Penggunaan peranti yang sesuai adalah amat penting bagi menjamin sistem Health Information Management System berfungsi dengan baik.

Kajian analisa keperluan perkakasan dan perisian ini adalah kajian yang melibatkan beberapa peralatan yang diperlukan. Beberapa kriteria diambil kira :

- Pegangan persekitaran

Kebolehan penting seperti sentuhan dan klik, rekod jumlah percubaan, kemasukkan data, tekanan yang dirasakan pada data dan pergerakan objek perlu ada.

- Sokongan kemampuan

Kemampuan sokongan ini adalah bertujuan untuk teks, grafik, animasi, audia dan video perkakasan haruslah mampu untuk menyokong dan mengawal jumlah data yang banyak dan imej yang boleh membebankan sistem seterusnya memberatkan capaian serta penghasilan data yang ralat.

- Kos yang diperlukan untuk menampung sistem ini adalah mencukupi
- Perkakasan dan perisian yang digunakan mudah didapati
- Perkakasan dan perisian yang diperlukan adalah berseuaian dengan keperluan pembangun sistem.

### 3.6.1 KAJIAN KEPERLUAN PERKAKASAN

Bagi memastikan sistem ini dapat berjalan dengan lancar, cirri-ciri perkakasan yang boleh gunakan adalah mengikut spesifikasi berikut :

**Jadual 3.2 Kajian Keperluan Perkakasan**

Keperluan	Spesifikasi
Keperluan Storan Primer	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ pemprosesan sekurang-kurangnya Pentium III 133 MHz</li><li>➤ Random Access Memory (RAM) sekurang-kurangnya 64 MB</li></ul>
Keperluan Storan Sekunder	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ 3 ½ inci HD pemacu cakera liut</li><li>➤ Ruang cakera iut yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya 1 GB</li></ul>
Keperluan Audio	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Speaker untuk menghasilkan bunyi</li><li>➤ Pemacu cakera padat</li></ul>
Keperluan video	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Monitor berwarna dengan paparan 600 x 800</li><li>➤ Kad video grafik yang boleh menyokong paparan monitor tersebut</li></ul>
Alat pencetak	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Sekurang-kurangnya yang boleh mencetak maklumat data pengguna</li></ul>
Keperluan input	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Satu set papan kekunci</li><li>➤ Satu butang tetikus</li></ul>
Sistem Pengoperasian	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Sekurang-kurangnya Windows 98</li></ul>

### 3.6.2 KAJIAN KEPERLUAN PERISIAN

Dalam membangunkan modul perkhidmatan (*Service Module*) Health Information Management System, kajian terhadap perisian yang digunakan telah dilakukan. Kajian ini bertujuan bagi memastikan perisian yang digunakan nanti mampu menyokong sistem yang hendak dibangunkan. Ringkasan mengenai setiap keperluan perisian dinyatakan untuk memudahkan pembangun tahu mengapa perlunya perisian-perisian tersebut.

Perisian yang digunakan dalam membangunkan modul perkhidmatan (*Service Module*) ialah :

**Jadual 3.3 Perbandingan Kajian Keperluan Perisian**

Perisian	Spesifikasi
Sistem Pengendalian	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sistem pengendalian sekurang-kurang sekurang-kurangnya Windows 98</li> </ul>
Pelayan Web	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Microsoft Personel Web Server</li> </ul>
Pangkalan data	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Microsoft Access 2000</li> <li>➤ Microsoft Frontpage 2000</li> </ul>

### **3.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang prosedur pembangunan sistem di mana bagi membangunkan model perkhidmatan ( Services Module ) di dalam Health Information Management System, pembangun telah menerangkan penggunaan model Air Terjun sebagai model panduan dalam menghasilkan modul terbabit. Di samping itu juga, perbandingan dan kajian terhadap keperluan perkakasan dan perisian juga telah dijalankan dimana di sini pembangun menyatakan spesifikasi minima yang membolehkan sistem ini dicapai. Perbandingan antara model proses juga dilakukan dan disini jelas, model pembangunan Air Terjun sangat sesuai digunakan dalam menghasilkan modul perkhidmatan Health Information Management System.

# **BAB 4**

# **ANALISA SISTEM**

#### **4.1 Pengenalan**

Dalam menghasilkan sistem yang bermutu tinggi., sesuatu sistem itu adalah berkait rapat dengan keperluan sistem. Keperluan sistem akan bertindak rapat dengan data-data yang diberikan atau arahan-arahan yang diterimanya. Keperluan sistem juga akan menerangkan tentang kelakuan sistem. Bagi objek dan entiti pula, ianya akan bergerak dari satu keadaan ke satu keadaan yang lain.

Keperluan sistem seterusnya akan menyatakan keadaan dan pertukaran sistem atau objek. Dalam erti kata yang lain, keperluan dapat menghuraikan tentang kebolehan sesuatu sistem untuk memenuhi tujuan pembangunannya.

#### **4.2 Kajian Maklumat**

Kajian dilakukan menerusi pelbagai kaedah dan sumber bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang bersesuaian. Di sini pembangun telah membahagikan tajuk projek kepada dua bentuk kajian bagi memudahkan pencarian maklumat iaitu :

- 1) Kajian khusus tentang maksud projek meliputi takrif kesihatan sendiri, cara untuk mengetahui jisim badan, nilai kalori dalam badan, dan nilai kalori badan serta kesan penyakit jika mempunyai kalori yang berlebihan, kesan penyakit jika mempunyai berat tinggi yang berlebihan, kesan penyakit jika mempunyai kadar denyutan jantung yang tidak normal.
- 2) Kajian mengenai perisian yang sedia ada bagi mengetahui kelebihan dan kelemahannya setiap satu.

Sumber-sumber yang digunakan pula adalah :

#### 4.2.1 Internet

Antara sumber yang penting di era ICT ini adalah di mana segala maklumat berada hanya di hujung jari. Kemudahan ini membolehkan maklumat dapat dicapai dengan pantas dan komunikasi dengan penyelia juga dapat dibuat tanpa sebarang masalah. Antara enjin pencarian yang digunakan :

- ❖ [www.google.com](http://www.google.com)
- ❖ [www.yahoo.com](http://www.yahoo.com)
- ❖ [www.catcha.com](http://www.catcha.com)
- ❖ [www.altavista.com](http://www.altavista.com)
- ❖ [www.cari.com.my](http://www.cari.com.my)

Selain daripada itu juga, bentuk maklumat yang dicari adalah seperti laman-laman informasi yang berkaitan dengan kesihatan atau cara-cara pengiraan jisim indeks badan, pengiraan nilai kalori, nilai denyutan jantung dan sebagainya serta teknologi komputer dan multimedia untuk membangunkan sesbuah laman web yang baik.

Secara dunia juga, dokumen keperluan sistem juga akan menerangkan apa yang dimaksud dengan sistem.

#### 4.2.2 Bahan Bacaan

Bahan bacaan yang diambil informasi mengenai kesihatan adalah termasuklah buku-buku, majalah-majalah, suratkhabar, artikel dan apa jua bentuk bentuk bahan yang didapati di perpustakaan utama Universiti Malaya, bilik dokumen Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, rakan-rakan dan orang perseorangan.

#### 4.2.3 Cakera Padat dan Laman Web Pakej Kesihatan Yang Sedia Ada

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang rekabentuk sistem yang bakal dibangunkan, pembangun perlu melihat dan menganalisa pelbagai perisian mengenai sistem yang meibatkan kesihatan yang ada di pasaran yang boleh didapati dalam bentuk cakera padat dan capaian di laman-laman web.

### 4.3 ANALISA KEPERLUAN SISTEM

Menurut takrifan oleh Shari Lawrence Pflenger, keperluan sistem boleh ditakrifkan sebagai satu set prosedur yang menjelaki sesuatu sistem yang hendak dibangunkan. Di sini bermaksud, keperluan sistem akan menerangkan kepada pembangun dan juga pelanggan apa yang perlu dilakukan oleh sesuatu sistem terbabit. Modul-modul rekabentuk yang dihasilkan akan dijanakan daripada keperluan yang dinyatakan. Selain itu juga, di dalam keperluan sistem juga mengandungi kod-kod program yang melaksanakan rekabentuk program.

Secara amnya juga, dokumen keperluan sistem juga akan menerangkan apa yang dimaksudkan dengan sistem yang hendak dibangunkan juga. Keperluan sistem terbahagi kepada dua iaitu :

- Keperluan fungsian
- Keperluan bukan fungsian

#### 4.3.1 KEPERLUAN FUNGSIAN

Keperluan fungsian ialah keperluan yang menerangkan interaksi di antara sistem dengan dan juga persekitarannya. Keperluan sesuatu sistem juga akan bertindak pada sesuatu keadaan. Di sini, keprluan fungsian bertindak sebagai set fungsi atau sub sistem yang perlu ada di dalam pembinaan sesuatu sistem. Dengan adanya fungsi - fungsi dan subsistem ini, pembangunan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di dalam modul perkhidmatan Health Information Management System ini, terdapat beberapa set fungsian yang telah dikenal pasti :

- Fungsian Carian

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat carian berkenaan dengan maklumat tentang maklumat yang ingin dibuat kiraan. Selain tu, butang ini juga akan mencari maklumat berkenaan jisim indeks badan, kadar denyutan jantung, nilai kalori dan berat per tinggi.

#### 4.3.2 Fungsi paparan

➤ **Fungsi paparan**

Fungsi ini akan memaparkan kepada pengguna senarai maklumat yang dikehendaki oleh pengguna. Sebagai contoh, maklumat berkenaan akan dipaparkan setelah butang *search* diklikk. Selain itu juga, paparan terhadap maklumat berkenaan dengan kiraan juga akan dipaparkan bagi memudahkan pengguna mengetahui maklumat berkenaan kiraan tadi.

➤ **Kemasukkan data**

Di sini ruang yang akan disediakan bagi memastikan input dimasukkan supaya sistem akan membuat pengiraan. Data-data yang dimasukkan adalah berbentuk integer dan sistem akan mengira dengan formula yang telah disediakan.

➤ **Kira data**

Di sini sistem akan membuat pengiraan berdasarkan data-data yang dimasukkan oleh pengguna. Sistem akan menyatakan sama ada seseorang itu normal atau sebaliknya.

➤ **Reset Button**

Di sini iaanya berfungsi memadamkan data yang dimasukkan jika berlaku kesalahan data yang dimasukkan sebelum membuat pengiraan.

➤ **Table chart**

Berfungsi memaparkan jadual kepada pengguna sama ada kesihatan mereka mencapai tahap yang memuaskan ataupun tidak. Pengguna dapat mengetahui secara khusus berat yang normal berdasarkan jadual yang disediakan ini.

#### **4.3.2 KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN**

Keperluan bukan fungsian bermaksud keperluan yang diperlukan secara tidak langsung tetapi ia bukanlah merupakan fungsi yang penting dalam pembangunan sistem. Selain daripada itu juga, keperluan bukan fungsian juga adalah merupakan kekangan pada sistem yang menghuraikan sekatan ke atas sistem seterusnya menghadkan pilihan untuk menyelesaikan masalah. Antara keperluan bukan fungsian yang diperlukan dalam pembinaan Health Information Management System khususnya bagi modul perkhidmatan ialah :

➤ Antara muka yang menarik

Ciri yang terpenting sekali di dalam pembinaan laman web. Di sini kebanyakan minat pengguna terhadap bergantung kepada antaramuka yang disediakan. Kawalan antaramuka dan juga dengan antaramuka yang lain mestilah jelas, disini bermaksud ianya mestilah serasi dan juga terhubung. Antara cirri yang dapat disimpulkan di dalam keperluan bukan fungsian ini ialah :

- Rekabentuk yang mesra pengguna di mana menu-menu yang terdapat di dalam modul HIMS ini dipaparkan dengan jelas dan mudah digunakan
- Tidak memerlukan masa yang lama untuk bergerak dari satu bahagian ke bahagian yang lain atau dalam erti kata yang lain dalam menukar sesuatu sub modul di dalam modul perkhidmatan HIMS ini.

➤ Keringkasan

Skrin dan arahan disusun dengan teratur bagi memudahkan pengguna lebih memahami sistem dan secara tidak langsung dapat menarik minat pengguna yang lain untuk memasuki sistem ini.

➤ Keselamatan

Keselamatan data merupakan aspek yang penting supaya data-data di dalam pengkalan data tidak dicerobohi menggunakan teknik capaian rawak seperti memecah masuk ke dalam sistem tanpa kebenaran atau pun penyebaran virus yang boleh memberi implikasi kepada pangkalan data. Oleh yang demikian, penggunaan kata laluan adalah amat penting setiap kali capaian baru yang hendak dibuat.

➤ Ramah pengguna

Menyediakan pautan yang mudah pada pengguna untuk menggunakan sistem. Pengguna hanya perlu menekan pada butang yang berlabel untuk mendapatkan maklumat tertentu.

➤ Kecekapan dan ketepatan yang tinggi

Kandungan sistem ini adalah tepat dan pengiraan yang dilakukan juga adalah pantas serta tepat mengikut unit piawai yang ditetapkan.

## **4.4 ANALISA PERALATAN PEMBANGUNAN SISTEM**

Di dalam analisis peralatan pembangunan perisian, dua keperluan yang dijadikan ukuran dalam analisis keperluan ini. Dua keperluan terbabit ialah analisis keperluan perkakasan dan juga analisis keperluan perisian. Kedua-dua keperluan ini penting di dalam analisis peralatan pembangunan sistem kerana ianya bertujuan memastikan sistem yang hendak dibangunkan itu merupakan sebuah sistem yang cekap dan lancar perjalanan operasinya.

### **4.4.1 Keperluan Perkakasan**

Dalam menghasilkan Health Information Management System ini, beberapa perkakasan digunakan bagi memastikan sistem HIMS ini dapat berfungsi dengan baik. Perkakasan di sini merujuk kepada mesin atau peralatan fizikal yang berfungsi melakukan fungsi-fungsi asas yang terkandung di dalam kitaran pengoperasian sistem. Berikut merupakan spesifikasi minima yang diperlukan bagi memastikan sistem Health Information Management System berfungsi dengan baik :

- I. Pemproses Intel Pentium III
- II. 256 MB RAM
- III. Cakera Keras 40 GB
- IV. Monitor 15" dengan warna paparan SVGA ( resolusi 800x 600 )
- V. Papan Kekunci serta Tetikus
- VI. Kad antaramuka rangkaian
- VII. Kad grafik
- VIII. Windows 98

#### **4.4.2 KEPERLUAN PERISIAN**

Bagi sistem Health Information Management System ini, terdapat beberapa perisian yang digunakan bagi memastikan pembangunan sistem berjalan dengan baik. Pemilihan perisian ini adalah penting bagi mengimplementasikan sistem dan juga bertujuan untuk emmastikan perisian yang digunakan adalah bersesuaian dengan kehendak projek yang dibangunkan ini. Perisian yang digunakan termasuklah perisian untuk mereka bentuk antaramuka, membangunkan pangkalan data dan perisian pelayan web.

Pemilihan ini termasuklah perisian utama untuk pembangunan sistem dan perisian-perisian lain yang digunakan untuk memberikan ciri-ciri tambahan. Antara perisian-perisian yang dimaksudkan tadi ialah :

I. Microsoft Frontpage 2000

II. Microsoft Access 2000

III. Active Server Pages ( ASP )

IV. Personel Web Server ( PWS )


V. Skrip Java

VI. Skrip Visual Basic

#### 4.4.2.1 Microsoft Frontpage 2000

Dalam menghasilkan laman web yang baik, sesuatu laman web itu hendaklah berinteraktif, mesra pengguna dan efisyen merupakan agenda utama kepada para pembangun laman web pada masa kini. Laman-laman web yang memenuhi kriteria-kriteria tersebut mestilah lebih mudah diterima oleh para pengguna dan maklumat yang hendak disampaikan adalah lebih tepat dan efisyen. Oleh yang demikian, dalam menghasilkan antaramuka dan rekabentuk sistem dengan baik, HTML ( Hyperte Text markup Language) digunakan. Oleh itu, untuk menjalankan HTML tersebut, aplikasi perisian yang terbaik digunakan dan disini saya memilih Mocrosoft Frontpage. Aplikasi HTML ini adalah aplikasi asas yang wujud bersama-sama dengan aplikasi Microsoft Office yang lain. Microsoft Frontpage yang saya gunakan adalah versi 2000 dimana ianya lebih senang diuruskan. Antara kelebihan Microsoft Frontpage yang didapati ialah :

- Antaramuka yang begitu mudah difahami dan dipelajari.
- Mempunyai banyak keistimewaan dari segi tools yang efisyen dan yang juga efektif
- Kemudahan untuk mengedit kod HTML dengan mudah
- Keperluan sistem untuk menggunakan aplikasi ini begitu rendah dan kebanyakkan komputer boleh menggunakannya dengan mudah
- Senang untuk dipelajari kerana tidak perlu masa yang panjang untuk memahami fungsi setiap tools di dalam perisian ini.



Rrajah 4.1 Contoh Aplikasi Microsoft Frontpage 2000 yang digunakan

#### 4.4.2.3 Active Pages Server (ASP)

##### 4.4.2.2 Microsoft Access 2000

Pangkalan data merupakan suatu tempat dimana data-data bagi sesuatu sistem disimpan. Oleh yang demikian, dalam membangunkan sistem Health Information Management System ini, Microsoft Access dipilih sebagai pangkalan data. Perisian ini dipilih kerana terdapat beberapa kelebihan iaitu :

- Merupakan perisian yang unik yang mana mempunyai tools yang mudah yang boleh dipelajari dalam masa yang singkat oleh mereka yang baru hendak mempelajari perisian ini.
- Membolehkan pergerakan data dengan mudah kerana sistem fail tunggal yang membolehkan kerja-kerja muat turun, muat naik dan muat salin pada komputer yang lain dilakukan dengan mudah.
- Sistem yang dibangunkan hanya memerlukan pangkalan data yang kecil. Oleh yang demikian , amat sesuai menggunakan perisian Microsoft Access kerana ianya hanya melibatkan pangkalan data yang kecil.
- Kos pangkalan data yang kecil ini murah dan mampu dimiliki oleh semua golongan pembangun sistem.

**4.4.2.3 Active Pages Server ( ASP )**

ASP merupakan suatu perisian yang berperanan sebagai DBMS (Database Management System). Active Server Pages (ASP) membolehkan seseorang merekabentuk laman web dengan menggabungkan kod-kod pengaturcaraan bersama-sama piawai HTML. DBMS ialah satu sistem persian yang membolehkan pengguna menakrif, mencipta, mengemaskini, menyusun, mengurus dan menyelenggara sesuatu pangkalan data. Sebagaimana yang kita sedia maklum, DBMS memainkan peranan yang penting dan berkait rapat dengan pangkalan data. Ia merupakan perantara antara pengguna dengan pangkalan data. Pangkalan data pula bermaksud sebagai himpunan data-data yang berkaitan yang dikongsi bersama oleh berbagai kategori pengguna bagi memenuhi kehendak maklumat sesebuah organisasi. Oleh itu bagi kerja-kerja menyelenggara pangkalan data dengan sempurna, satu DBMS yang baik dan mudah diperlukan. Kehadiran pelbagai DBMS yang lain dalam pasaran seperti PHP, CGI dan sebagainya memberi suatu kesan dan kekeliruan dalam membuat pemilihan bagi sistem yang hendak dibangunkan. Tetapi dengan kajian yang teperinci dan pengetahuan yang ada, ASP dipilih sebagai DBMS. Pemilihan DBMS berbanding DBMS yang lain adalah berdasarkan beberapa faktor :

- Merupakan program yang boleh dilaksanakan dalam PWS (Personel Web System). Oleh yang demikian, ianya mudah dilaksanakan di dalam Windows.
- Ianya fleksibel sebagaimana kod yang ditulis. Pengguna boleh menggunakan pelbagai bahasa seperti Skrip Visual Basic atau Java Skrip.
- Ia lebih lancar dan pantas dalam menghasilkan perkhidmatan skrip fungsian sepenuhnya (fully functional service side scripts) berbanding CGI dan ini dapat menjimatkan masa para pembangun.

- Perhubungan antara HTML dengan ASP adalah begitu mudah sekali
- Apabila fail ASP ditukar kepada HTML, ia boleh memaparkan semua jenis browser seperti internet Explorer, Netscape Navigator atau AOL's browser
- ASP adalah lebih bercorak laman web dinamik bukannya satik sahaja

#### 4.4.2.4 Personel Web Server ( PWS )

Pelayan web yang dipilih untuk Health Information Management System ialah Personel Web Server ( PWS ). Apabila pelayan web ini dipasang pada komputer kita, secara tidak langsung kita dapat melihat laman-laman ASP hanya menerusi *browser*. Personel Web Server ini berfungsi sebagai platform peringkat pembangunan sebelum sesuatu sistem itu dimuatnaik ke internet. PWS ini juga mempunyai banyak fungsian yang mana secara tidak langsung dapat membantu dalam pembangunan web.

PWS juga mampu melakukan aktiviti seperti berikut :

- Membolehkan keseluruhan web diterbitkan melalui satu *command* sahaja
- Penerbitan secara *local to remote* atau *remote to remote*
- Fungsian seperti CGI, IDC, ASP ISAPI dan juga WebBots Front Page disediakan pada komputer, dimana ianya membantu kita menguji web pada browser kita sebelum dipapar pada umum.
- Membolehkan pembinaan direktori-direktori maya pada pelayan
- Boleh mem'browse' laman web pada mana-mana komputer asalkan ianya disambungkan pada talian internet.

#### **4.4.2.5 Skrip Java**

Penggunaan skrip Java adalah lebih dikenali sebagai *server side scripting*. Skrip Java adalah merupakan bahasa skrip berdasarkan objek yang dicipta oleh Netscape Communications Corporation bertujuan membangunkan aplikasi-aplikasi Internet. Pernyataan Skrip Java boleh diselitkan di dalam laman-laman web, yang ditulis dalam HTML. Skrip Java adalah sambungan kepada HTML yang membenarkan laman web yang lebih sofistikated dibangunkan berbanding menggunakan HTML sahaja. Ia juga lebih mudah digunakan dan direkabentuk untuk sebarang aplikasi *online* berbanding Bahasa Java yang lebih kompleks.

#### **4.4.2.5 Skrip Visual Basic**

Penggunaan skrip Visual Basic dalam pembangunan Health Information Management System ( HIMS ) ini adalah kerana skrip ini mudah dipelajari dan mudah digunakan dalam pembangunan sesuatu aplikasi web. Skrip ini juga boleh diintegrasikan dengan ASP bagi merekabentuk laman web yang lebih menarik. Skrip Visual Basic merupakan satu peralatan yang berkuasa yang membantu dalam pembinaan laman web yang lebih berkuasa dan mampu menyumbang dalam revolusi internet.

#### **4.5 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, bab ini menerangkan kepada kita tentang apakah yang dimaksudkan dengan keperluan sistem. Sebagaimana yang kita sedia maklum, keperluan merupakan peralatan yang berkait rapat dengan sistem. Di sini juga pembanguna menyatakan secara jelas apakah yang dimaksudkan dengan keperluan sistem, tidak kira sama ada keperluan fungsian atau keperluan bukan fungsian.

Di samping itu juga, di dalam analisa peralatan pembangunan sistem, keperluan perkakasan dan keperluan perisian juga dinyatakan. Di sini jelas kepada kita yang kesemua keperluan-keperluan ini amat penting dan tanpa keperluan-keperluan ini tidak mungkin sistem yang hendak dibangunkan berjalan dengan lancar.

# **BAB 5**

# **REKABENTUK SISTEM**

## **5.1 PENGENALAN**

Fasa rekabentuk adalah suatu proses di mana pembangun perlu mencipta sistem organisasi secara permodelan atau lebih tepatnya secara kasar berkenaan dengan sistem yang hendak dibangunkan. Proses mencipta rekabentuk melibatkan kekreatifan dan kebolehan serta pemahaman yang luas oleh pembangun terhadap sistem yang hendak dibangunkan itu. Oleh yang demikian, di dalam menghasilkan sistem Health Information Management System ( HIMS ) yang terdiri daripada empat modul utama, pembangun-pembangun telah bersama-sama menjalankan proses penyelidikan, analisis dan perbandingan sistem yang sedia ada untuk menghasilkan rekabentuk sistem yang terbaik.

Para pembangun telah membahagikan fasa pembangunan ini kepada tiga bahagian utama iaitu :

- ➤ Rekabentuk Sistem
- Rekabentuk Proses
- Rekabentuk Antaramuka

## **5.2 REKABENTUK SISTEM**


Di dalam fasa ini, pembangun akan mengumpulkan semua modul-modul yang hendak digabungkan menjadi sebuah sistem yang dikenali sebagai sistem Health Information Management System. Setiap modul terdiri daripada beberapa sub-sub modul dan ini dapat dijelaskan seperti di bawah :

### 5.2.1 MODUL – MODUL YANG TERLIBAT

Di dalam health Information Management System ini, terdapat empat modul yang utama. Modul-modul yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- Modul *My Health Record*
- Modul *Pharmacy*
- Modul *Discussion Board*
- Modul *Service*

Keempat-empat modul utama ini mempunyai subsistem yang tersendiri. Modul-modul ini merupakan modul yang utam di mana keempat-empat modul ini mempunyai hubungkait antara satu sama lain.




Gambarajah 5.1: Rajah struktur bagi modul-modul di dalam Health Information Management System

### **5.2.2      Modul *My Health Record***

Di dalam modul ini, semua rekod-rekod kesihatan pengguna di simpan di dalam modul ini. Di dalam modul ini, terdapat beberapa sub modul yang berfungsi bagi memastikan sistem Health Information Management System ini dapat berjalan dengan sempurna.

Antara sub modul-sub modul yang terdapat di dalam modul *My Health Record* ini ialah :


- Modul Peribadi Pengguna
- Modul Alahan Ubat
- Modul Alahan Makanan
- Modul Penyakit Pengguna
- Modul Ubatan Pengguna
- Modul Kesihatan Keluarga Pengguna
- Modul Sejarah Imulasi Pengguna
- Modul Ringkasan Kesihatan Pengguna



*Gambarajah 5.2 Rajah Struktur bagi sub-sub modul yang terdapat di dalam Modul My Health Record di dalam sistem Health Information Management System*

### 5.2.3 Modul *Pharmacy*

Di dalam modul ini, terdapat teknik-teknik carian dimana pengguna diberi pilihan sama ada ingin mencari nama ubat itu sendiri dan carian ubat berdasarkan nama penyakit. Selain itu juga, terdapat sub modul *Drug Interaction Tools* di mana ianya berfungsi sebagai perkakasan interaksi antara ubat-ubatan. Akhir sekali, di dalam modul *Pharmacy* ini juga mengandungi sub modul E-Doktor yang berfungsi menerangkan cara pemakanan ubat dan juga tempoh masa pengambilan sesuatu ubat.




Gambarajah 5.3

Rajah struktur bagi sub-sub modul yang terdapat didalam **Modul Pharmacy** di dalam sistem Health Information Management System.

#### 5.2.4 Modul Discussion Board


Di dalam modul ini, pengguna bebas membincang isu semasa berkenaan dengan kesihatan. Di sini pengguna akan disedia dua *message board* yang utama iaitu *message board general topic* dan juga *message board health Issues*. Pada kedua-dua paparan mesej tadi, pengguna boleh membincang isu yang berkaitan dengan taraf kesihatan masing-masing, pengguna juga dibenarkan untuk pembukaan topik baru yang berkait dengan kesihatan. Selain itu, carian berdasarkan topik juga disediakan pada modul *Discussion Board* ini.



Gambarajah 5.4 *Menu utama bagi sub-sub modul yang terdapat di dalam Modul Discussion Board di dalam sistem Health Information Management System.*

### 5.2.5 Modul Service

Di dalam modul ini, pengguna boleh membuat pengiraan berkenaan dengan jisim indeks badan, nilai kalori yang diperlukan oleh badan, kadar denyutan yang normal bagi seseorang pengguna dan juga berat tinggi ideal. Pengiraan ini bertujuan memastikan pengguna sentiasa berwaspada dengan kesihatan diri masing-masing dan bagi nilai kalori yang diperlukan oleh badan, ianya terbahagi kepada dua iaitu golongan lelaki dan juga golongan wanita.




Gambarajah 5.5

*Rajah struktur bagi sub-sub modul yang terdapat di dalam  
Modul Service di dalam sistem Health Information  
Management System*

### 5.3 REKABENTUK PROSES

Fasa ini merupakan fasa dimana berlakunya proses lakaran keseluruhan perjalanan dan aliran sistem daripada mula-mula memasuki modul *Service* bagi sistem Health Information Management System sehingga kepada pengguna hendak keluar daripada modul *Service* bagi sistem Health Information Management System ini. Proses yang dipanggil permodelan ini dimulai dengan capaian ke sistem Health Information Management System ( HIMS ) seterusnya pengguna akan memilih modul service, dan apabila memasuki modul ini, pengguna akan diberi pilihan sama ada memilih salah satu dari empat sub sistem tadi. Apabila data dimasukkan ke dalam salah satu sub modul tadi, pengiraan dibuat dan keputusan akan dipaparkan untuk pengetahuan pengguna.


### 5.3.1 CARTA ALIR BAGI MODUL SERVICE SISTEM HIMS



Gambarajah 5.6 Rajah struktur yang menunjukkan carta alir bagi modul service HIMS

Gambarajah 5.6 di atas menunjukkan bagaimana perjalanan sesuatu pergerakan sistem di dalam modul *Service* di dalam sistem health Information Management System. Setelah pengguna itu *login*, pengguna terbabit akan memasuki sistem utama HIMS. Setelah modul Service dipilih, pengguna akan diberi empat pilihan, sama ada memilih untuk mengetahui jisim indeks badan, keperluan nilai kalori, kadar denyutan jantung dan juga pengiraan berat tinggi yang ideal. Setelah memilih salah satu modul tadi, sebagai contoh jika pengguna memilih jisim indeks badan, pengguna akan memasukkan nilai yang dikehendaki oleh modul terbabit. Setelah data-data yang diperlukan dimasuuka, sistem akan membuat pengiraan dan keputusan di paparkan. Setelah itu, pengguna diberi pilihan sama ada meneruskan lagi sistem ini atau keluar sahaja dari sistem terbabit.

### 5.3.2 Carta Alir Modul Jisim Indeks Badan




Gambarajah 5.7

Rajah struktur modul Jisim Indeks Badan HIMS

### 5.3.3 Cara Alir Modul Nila'i Badan (BMI)

Rajah struktur bagi gambarajah 5.7 tadi menunjukkan bagaimana proses yang berlaku di dalam modul Jisim Indeks Badan HIMS. Setelah *login* ke dalam sistem, pengguna mesti memilih modul *Service* dan seterusnya modul Body Mass Index dipilih. Di dalam BMI, pengguna hanya perlu memasukkan tinggi, diikuti dengan berat, kemudian sistem akan mengira BMI pengguna terbabit. Setelah keputusan dipaparkan, pengguna diberi pilihan sama ada ingin meneruskan lagi pengiraan untuk jisim indeks badan ataupun keluar dari sistem.


### 5.3.3 Carta Alir Modul Nilai Kalori HIMS



Gambarajah 5.8 Rajah struktur bagi modul nilai kalori di dalam HIMS


**Gambarajah 5.8** menunjukkan carta alir bagi modul penentuan nilai kalori.

Pengguna hanya perlu lgin ke dalam sistem HIMS, kemudian pengguna akan memilih modul nilai kalori. Kemudian pengguna diminta mengisi dahulu jantina pengguna terbabit. Setelah itu, sistem akan meminta berat dan tinggi pengguna terbabit. Kemudian sistem akan membuat pengiraan dan keputusan akan dipamerkan kepada pengguna beapa sepatutnya nilai kalori yang diperlukan oleh pengguna terbabit, bergantung kepada keaktifan pengguna itu. Kemudian, pengguna diberi pilihan sama ada ingin meneruskan perjalanan sistem atau keluar sahaja dari sistem terbabit.



Gambarajah 5.8 • Rajah Struktur modul nilai kalori jantina HIMS


#### 5.3.4 Carta Alir Modul Penentuan Kadar Denyutan Jantung HIMS



Gambarajah 5.9 Rajah Struktur modul nilai denyutan jantung HIMS

Gambarajah 5.9 di atas menerangkan kepada kita tentang carta alir perjalanan sistem bagi modul nilai denyutan jantung. Sebagaimana modul-modul yang lain, pengguna hanya perlu *login* ke dalam sistem dan akan memasuki laman utama sistem ini. Kemudian setelah memilih modul *Service*, pengguna akan memilih menu pengiraan denyutan jantung. Di dalam modul ini, pengguna hanya perlu memasukkan umur mereka untuk mengetahui berapa sepatutnya nilai denyutan jantung dalam unit denyutan per saat. Setelah keputusan dipaparkan, pengguna diberi pilihan sama ada meneruskan perjalanan sistem atau pun keluar dari sistem.

### 5.3.5 Carta Alir Modul Berat Tinggi Ideal HIMS



Gambarajah 5.10 Rajah struktur bagi modul berat tinggi ideal bagi HIMS

Gambarajah 5.10 menunjukkan carta alir bagi modul berat tinggi ideal. Seperti mana modul-modul lain yang terdapat di dalam modul *Service* juga, pengguna hanya perlu logun ke dalam sistem dan seterusnya akan membuat pilihan modul yang terdapat di dalam sistem HIMS ini. Apabila modul *Service* dipilih, pengguna akan menekan butang yang memaparkan menu butang berat tinggi ideal. Apabila memasuki menu ini, pengguna diminta untuk menyatakan kepada sistem jantina dan apakah nilai tinggi pengguna terbabit. Selepas itu, sistem akan membuat pengiraan dan keputusan berapa sepatutnya berat yang patut dimiliki oleh pengguna terbabit dipaparkan. Apabila keputusan dipaparkan, pengguna diberi pilihan sama ada meneruskan perjalanan sistem ataupun keluar dari sistem terbabit.

## **5.4 REKABENTUK ANTARAMUKA**

Rekabentuk antara muka pengguna ini dibina bertujuan untuk memudahkan pengguna berkomunikasi dengan sistem. Selain itu juga, dengan pembinaan rekabentuk antaramuka pengguna ini diharapkan agar sistem akan menjadi lebih menarik apabila dipaparkan. Ia sangat penting kerana dapat membantu pengguna mencapai maklumat dengan lebih cepat serta memahami maklumat yang dipaparkan. Rekabentuk antaramuka pengguna yang dicadangkan :


- I. Rekabentuk yang difahami
